

Roslinda Binti Abdul Razak

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, March 13, 2017 8:31 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Penghawa Dingin Dan Makanan Antara Punca Penyakit Kanser



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



13 MAC 2017 / 14 JAMADILAKHIR 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

PENGHAWA DINGIN DAN MAKANAN ANTARA PUNCA PENYAKIT KANSER



UUM ONLINE: “Masuk kereta terus buka penghawa dingin yang akan bertindak balas dengan barang-barang yang terdapat di dalam kereta seperti plastik, beg, kasut dan computer riba, seterusnya mengundang 36 penyakit seperti resdung, kanser hidung dan kanser otak.

“Jadi, buka cermin kereta terlebih dahulu, hirup udara luar lebih kurang 15 minit sebelum membuka penghawa dingin begitu juga menyedut asap ketika pam minyak dan makanan antara punca penyebab kanser,” ujar Pakar Holistik Makanan dan Perubatan Orthomolekul, Prof Dato’ Seri Dr Syed Putra Meir yang berpengalaman mengubati penyakit kanser ketika menyampaikan ceramah bertajuk *Preventing and Curing The 21 Century Diseases* anjuran Kesatuan Kakitangan UUM (KESKA) di Pusat Konvensyen, baru-baru ini.

Beliau berkata, punca kanser hanya 10 peratus disebabkan faktor keturunan, manakala 90 peratus lagi berpunca daripada makanan kerana setiap makanan yang masuk ke dalam tubuh menghasilkan hormon, seterusnya akan mengaktifkan sel kanser dalam badan.

Katanya, bagi wanita yang mengalami gangguan kitaran haid, darah haid yang tidak dikeluarkan akan bertukar menjadi fibroid.

Menurutnya, kanser merupakan penyakit yang paling ditakuti, apatah lagi penyakit tersebut dikatakan tiada ubat tetapi setiap penyakit ada ubat kecuali mati dan Allah turunkan penyakit bersamanya ubat.

“Kebanyakan yang datang, pesakit kanser tahap 4, yang sudah kena radiasi, gugur rambut dan kronik. Ramai pesakit menjalani kemoterapi tetapi tidak kesemuanya bebas dari penyakit kanser itu, sebaliknya kenapa tidak menggunakan kaedah alternatif yang ada?

“Sebanyak 214 jenis kanser boleh diubati, malah datuk nenek kita dulu mengamalkan buah pinang yang mempunyai vitamin B17 tanpa perlu menjalani pembedahan dan kemoterapi,” ujarinya.

Tambah beliau lagi, untuk merawat penyakit kanser dan penyakit lain, kaedah yang digunakan adalah dengan mengambil ujian darah (blood test) untuk mengesan setiap penyakit melalui bacaan daripada laporan makmal, selain menggunakan tumbuh-tumbuhan seperti aprikot, durian belanda dan belalai gajah.

Menurutnya, pantang larang pesakit kanser adalah tidak boleh mengambil makanan atau minuman yang mengandungi gula, susu, protein binatang, ayam, ikan, makanan laut, kacang soya, tempe, produk tenusu, makanan dalam tin dan marjerin kerana semua makanan tersebut ibarat vitamin yang menyuburkan sel kanser.

“Pesakit kanser juga perlu elak mengambil makanan sejuk seperti dan perlu mengawal pemakanan,” katanya yang juga ahli Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM).

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.